

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

SEMINAR UNDANG-UNDANG DAN MASYARAKAT KEEMPAT

Malaysia, adalah negara sebuah agama yang suci, setu-setucu negara yang memang berbilang-bertilang kaum, berbilang-bilangan agama, berbilang-budaya, berbilang-sifat rasa, berbilang-kemahiran, berbilang-latar belakang dalam setu-setu kaum-pula, ada berbagai-bagai bahasa, lagu, seni dan setu-setu agama-pula ada berbagai-bagai急速; dalam setu-setu kaum-pula. PERANAN UNDANG-UNDANG DALAM MEMUPUK PERPADUAN NEGARA

oleh
Nik Abdul Rashid Majid
Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor
5hb Januari 1991

I

MUQADDIMAH: SINARIO PERPADUAN DI MALAYSIA

Bersatu Bertambah Mutu - Malaysia
Bunika Tunggal Ika - Indonesia

Malaysia, adalah merupakan sebuah negara yang unik, satu-satunya negara yang semuanya berbilang: berbilang kaum, berbilang agama, berbilang bahasa, berbilang budaya, berbilang adat resam, berbilang keturunan, berbilang latar belakang: dalam satu-satu kaum pula, ada berbagai-bagai bahasa, loghat, agama: dalam satu-satu agama pula ada berbagai-bagai mazhab; dalam satu-satu bahasa pula ada berbagai-bagai loghat; dalam satu-satu budaya pula, ada berbagai-bagai seni; berbagai-bagai jenis makanan dan masakan, berbagai-bagai selera dan kegemaran. Begitulah seterusnya. Pendek kata, Malaysia adalah sebuah negara "satu dalam semua, dan semua dalam satu".

Alhamdulillah, walaupun Malaysia adalah merupakan sebuah negara berbilang, namun demikian ada juga titik persamaannya. Kita mempunyai satu bahasa kebangsaan, bahasa Melayu; satu agama Persekutuan, agama Islam; seorang ketua negara, Yang diPertuan Agong, yang menjadi simbol perpaduan; dibawah satu bendera negara, bendera Persekutuan. Titik persamaan inilah yang kita hendak cari, supaya dengan itu dapat kita bangunkan sebuah negara yang berdaulat dan bersatupadu, demi kemakmuran semua.

Kertas ini akan cuba mengkaji masalah perpaduan negara dari empat aspek, iaitu dari sudut hubungan etnik, nasionalisma atau semangat kebangsaan, budaya kebangsaan, dan dari sudut penyatuan wilayah, dan akan cuba menggunakan undang-undang sebagai alat untuk menggalakkan perpaduan negara, atau sebaliknya menggunakan undang-undang sebagai alat untuk melarang tindak tanduk masyarakat dari melakukan sesuatu yang boleh membawa kepada perpecahan kaum, dan dengan itu sekali gus membawa kepada ketiadaan perpaduan negara.

Maju mundurnya sesebuah negara adalah bergantung kepada banyak faktor. Antaranya ialah kestabilan politik, ekonomi dan sosial, keharmonian hidup, kedamaian dan keamanan, keadilan sosial dan keadilan undang-undang, ketiadaan anasir-anasir yang boleh menggugat kestabilan, dan semuanya ini pula bergantung kepada perpaduan masyarakat sesama kaum dan antara kaum, sesama agama dan antara agama, dalam satu-satu negeri atau wilayah dan antara negeri dan wilayah.

II

KONSEP PERPADUAN: BENTUK PERPADUAN YANG DIKEHENDAKI

Cubit paha kanan, paha kiri terasa sakitnya

Pepatah Melayu

Apabila disebut perpaduan, ramai yang tidak begitu faham dengan konsep sebenar dan erti perpaduan. Ada pihak yang menganggap hidup berbaik-baik, secara aman (peaceful co-existence) adalah perpaduan. Ada setengah pihak pula menganggap hidup tanpa perbalahan adalah perpaduan. Yang lain menganggap selagi peristiwa berdarah tidak wujud, maka itu adalah perpaduan.

Sesungguhnya, percanggahan pendapat itu selalunya dikaitkan dengan jenis dan bentuk perpaduan yang dikehendaki.

Kita boleh ibaratkan perpaduan itu melalui dua jenis: perpaduan ala batu marmor dan perpaduan ala seberkas lidi. Perpaduan ala batu marmor adalah perpaduan tulin, perpaduan yang tidak menzahirkan mana satu batu, kulit kerang, pasir, kapur, lumpur, tulang-tulang haiwan dan sebagainya, tetapi dizahirkan atas satu nama, batu marmor; sedangkan perpaduan ala seberkas lidi pula ialah perpaduan lahiriah, dimana lidi itu boleh digunakan sebagai penyapu dengan hanya bergantung kepada satu urat tali yang mengikat lidi itu. Putusnya tali, maka berkecailah lidi. Putusnya hubungan kaum maka binasalah negara.

Apabila disebut masalah perpaduan, kita selalu menyalah anggap bahawa masalah itu timbulnya dari perbezaan bangsa dan agama. Salah anggapan ini wujud semenjak zaman berzaman, kerana amat sukar bagi negara untuk menyatupadukan manusia dari berbagai-bagai bangsa dan agama. Oleh itu apabila disebut perpaduan, maka terbayanglah dalam kepala kita cara bagaimana kita hendak menyatupadukan Melayu dengan Cina, Islam dengan bukan Islam.

Perpaduan juga dikehendaki di antara negeri dan wilayah, dan sesama negeri dan wilayah. Memandangkan bahawa Wilayah Sabah dan Sarawak adalah begitu jauh dari Semenanjung, maka perasaan kejauhan itu pasti wujud di kalangan setiap orang Semenanjung dan orang Sabah dan Sarawak.

Yang lebih penting bagi kita di Malaysia pada hari ini ialah perpaduan sesama kaum di kalangan mereka yang terdiri dari berbagai-bagai parti politik. Perpecahan hasil dari pilihanraya 1990 adalah begitu ketara sekali sehingga ada yang tidak bertegur sapa bukan sahaja antara parti yang berlainan, tetapi sesama ahli parti sendiri akibat dari seseorang yang tidak dipilih oleh parti untuk bertanding dalam pilihanraya, dan yang lebih serius akibat dari ketiadaaan tolak ansur.

Selain dari itu wujud pula perselisihan faham dan pendapat dalam satu-satu agama, dimana setengah qaul mengatakan pendapatnya adalah benar, dan pendapat yang lain adalah salah.

Perselisihan begini akan membawa kepada kerenggangan ahli-ahli dalam satu-satu masyarakat dan akan menjadi bibit-bibit perpecahan.

Konsep perpaduan negara tidak mungkin dapat difahami dan dihayati, usahakan kita hendak amalkan, sekiranya kita tidak memahami kehendak-kehendak dan unsur perpaduan negara itu sendiri. Dalam konteks ini empat unsur utama ialah nasionalisme, budaya kebangsaan, hubungan kaum dan penyatuan wilayah.

1. Nasionalisma

Selagi kita memikirkan bahawa kita ini Cina, India, Portugis, maka selama itulah kita tidak dapat hidup sebagai suatu bangsa. Apabila kita hidup dalam sebuah negara, maka negara itu haruslah mempunyai teras dan tunjangnya. Di negara China tunjangnya ialah keCinaan, dan semuanya haruslah melambangkan Cina, hatta masjid sekalipun dibina mengikut seni reka Cina. Di India tunjangnya ialah keIndianan. Di Indonesia keIndonesianan. Di Malaysia, yang dahulunya dikenal sebagai Persekutuan Tanah Melayu, maka teras, tunjang dan akar ubi mestilah keMelayuan. Konsep ketuanan Melayu hendaklah dizahirkan dan dihayati serta diterima oleh semua. Raja-raja Melayu, bahasa Melayu, adat Melayu, hendaklah diterima oleh semua sebagai asas perpaduan. Jika negara Cina tidak boleh menerima bahasa lain selain dari bahasa Cina sebagai bahasa rasmi, maka begitulah juga hendaknya bahasa lain tidak boleh diterima sebagai bahasa rasmi

dan bahasa kebangsaan di Malaysia. Selain dari bahasa Melayu, semangat nasionalisme yang berteraskan Melayu haruslah dipupuk, dibaja dan disiram dalam setiap jiwa yang dinamakan orang Malaysia.

2. Budaya Kebangsaan

Tiap-tiap buah negara dalam dunia ini mempunyai identiti budayanya sendiri. Mana-mana rakyat yang tebal dengan semangat kebangsaan negaranya akan cuba sedaya upaya untuk memperkenal dan mengembangkan budaya itu ke seluruh dunia. Orang British amat bangga sekali dengan bahasa Inggerisnya; orang Jepun amat bangga dengan adat resam Jepun, termasuk pakaian dan makanannya. Orang Perancis amat bangga dengan bahasa Perancis, 'wine'nya dan masakannya. Masyarakat Kepulauan Pasifik dengan pakaian dan tariannya. Begitulah seterusnya.

Yang dimaksudkan dengan budaya kebangsaan ialah mana-mana cabang atau jenis budaya kecil yang diterima oleh seluruh masyarakat negara itu sebagai hak mereka, dan mereka mengamalkan budaya itu sepanjang hayat mereka serta mempertahankan dan mendaulatkan budaya itu hingga mantap.

Di Malaysia, banyak jenis budaya masih belum diterima oleh semua rakyat sebagai cabang-cabang dalam budaya kebangsaan. Selagi kita tidak mempunyai satu budaya dalam semua cabang budaya, maka selama itulah integrasi nasional tikak akan wujud. Ahli-ahli masyarakat sama-sama hidup berbaik-baik (peaceful

coexistence), sebagai satu berkas lidi dalam satu situasi "telor di hujung tanduk" atau "menatang minyak yang penuh". Yang kita kehendakkan ialah integrasi nasional dalam bentuk batu marmar.

Menyentuh soal bahasa sebagai salah satu cabang budaya kebangsaan, ianya masih belum mantap. Walaupun sudah ada usaha ke arah mempelajari bahasa kebangsaan, namun bahasa-bahasa lain masih menjadi momo-momok politik dimana "retak menunggu belah".

Budayanya sendiri juga masih belum jelas dan menyanyi seorangat

Budaya makanan dan masakan sebagai salah satu unsur budaya kebangsaan mempunyai kedudukan yang lebih baik dari kedudukan bahasa atau tarian. Sekarang kita dapati kebanyakan makanan dan masakan telah menjadi makanan nasional, bukan sahaja setakat makan, tetapi telah menjual dan memperniagakan tanpa mengikut lumas-lunas perkauman. Petai, belacan, durian, laksa, nasi lemak tidak lagi menjadi dominasi orang Melayu sehaja, tetapi juga lebih digemari oleh orang Cina dan India. "Yong Tau Foo", "Ling Chee Kang", asam "Boey" tidak lagi dimonopoli oleh orang Cina, bahkan ramai orang Melayu telah menjual Yong Tau Foo, dan Ling Chee Kang. Nasi daun pisang, "Tosay", "Tairoo" bukan lagi menjadi hak orang India, tetapi sudah menjadi kegemaran orang Melayu dan Cina. Istilah budaya makanan dan masakan ini akan terus berkembang untuk menjadi satu budaya kebangsaan.

Namun demikian, masih ada ratusan budaya kecil lagi yang masih belum diterima sebagai budaya kebangsaan dan ianya sering dikaitkan dengan unsur-unsur perkauman. Antaranya ialah budaya

niaga. Budaya urusan masih dikaitkan dengan orang Cina. Budaya makan gaji, budaya pesta, budaya hiburan, budaya subsidi, masih dikaitkan dengan orang Melayu.

3. Hubungan Kaum

Masalah perpaduan negara adalah berkisar kepada soal pokok, bagaimana dapat satu-satu bangsa itu memahami beberapa perkara yang ada perkaitan dengan hubungan kaum. Tanpa kita memahami, menghayati, dan mengamalkan unsur-unsur yang membawa kepada hubungan kaum yang erat, maka selama itulah kita tidak dapat hidup sebagai suatu bangsa yang bersatu-padu. Hubungan kaum ada kaitan secara langsung dengan nasionalisme, budaya kebangsaan dan penyatuan wilayah. Sekiranya kita orang Melayu tidak faham dengan kepercayaan orang Hindu mengenai kesucian lembu, maka selama itulah kita tidak boleh hidup bersatu-padu, selagi orang bukan Islam tidak faham mengenai haram-halal bagi orang Islam, maka selama itulah hubungan kaum tidak akan memberi makna.

4. Penyatuan dan Pendekatan Wilayah

Perpaduan negara tidak mungkin terjadi dalam jangka masa dua atau tiga dekad yang akan datang sekiranya kita masih tebal dengan semangat kedaerahan dan semangat kewilayahuan, sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial, kebudayaan, geografi.

Penyatuan wilayah hendaklah merangkumi semua aspek hidup dan bukannya setakat melawat dalam Tahun Melawat Malaysia.

Kertas ini berpendapat bahawa jarak jauh-dekat bukanlah merupakan suatu batu penghalang dalam penyatuan wilayah. Apa yang patut didekatkan ialah hati dan perasaan. Orang Melayu yang tinggal di Mekah selama berpuluh-puluh tahun terasa masih dekat dengan Malaysia, sama seperti sebilangan kecil orang Cina yang telah tinggal di Malaysia hampir keseluruhan umur mereka masih terasa dekat dengan benua China, dan juga sebilangan kecil orang India yang berulang-alik Kuala Lumpur-Madras masih terasa bahawa Madras adalah lebih dekat dari Kuching atau Kota Kinabalu.

Selagi "The Roots" itu masih bertunjang di hati sanubari setengah penduduk, maka selama itulah hasrat untuk menuju ke arah perpaduan kaum akan lambat tercapai.

III

PERANAN UNDANG-UNDANG DALAM MENGGALAKKAN PERPADUAN NEGARA

Undang-undang Tuhan nampaknya zalim,
tetapi amat adil apabila dilaksanakan.
Undang-undang ciptaan manusia nampaknya adil
tetapi zalim apabila dilaksanakan.

3.1 Peranan Undang-undang

Undang-undang telah ditakrifkan sebagai suatu perintah atau arahan yang dibuat oleh pihak berkuasa yang ditujukan kepada masyarakat untuk melakukan sesuatu atau tidak melakukan sesuatu, dimana keengkaran akan dikenakan dengan hukuman yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

Apakah peranan undang-undang? Dari segi teorinya, undang-undang adalah merupakan suatu alat untuk mengawal ketenteraman awam dan menggalakkan keadilan sosial. Undang-undang wujud kerana wujudnya masyarakat. Undang-undang yang mengawal tingkah laku sosial masyarakat tidak wujud di Kutub Utara atau Selatan. Seorang manusia yang berada di padang pasir tidak memerlukan undang-undang, tetapi apabila ada dua orang manusia di suatu tempat dan di satu masa, maka kita memerlukan undang-undang atau peraturan untuk mengawal dan mengatur tindak tanduk mereka, supaya dengan itu ianya tidak menjeaskan hak orang lain.

Apabila kita sudah maju, masyarakat akan menjadi lebih sophistikated; apabila kita telah mencapai satu tahap "sophistication", kita memerlukan lebih banyak undang-undang untuk mengatur dan mengawal tingkah laku masyarakat, tetapi undang-undang itu mestilah berfungsi untuk membolehkan manusia mematuhiinya.

3.2 Fungsi Undang-undang

Secara umumnya, undang-undang mempunyai lapan fungsi utama:

1. Undang-undang sebagai suatu institusi untuk menjaga kedaulatan negara, mengekal dan meninggikan maruah negara, dan juga untuk mengekalkan warisan budaya negara. Undang-undang jenis ini terdapat dalam undang-undang perlembagaan, undang-undang adat dan undang-undang warisan purba;
2. Undang-undang sebagai suatu proses untuk mencapai perpaduan negara dan mengelakkan masyarakat dari berpecah belah, dan mencegah keadaan huru-hara dan kacau-bilau dari berlaku seperti undang-undang jenayah dan peraturan darurat;

PERANAN UNDANG-UNDANG DALAM KEGIATAN PEMERINTAH NEGARA

3. Undang-undang sebagai suatu proses untuk menyelesaikan perbalahan dan pertelingkahan, seperti undang-undang tanah;
4. Undang-undang sebagai suatu proses untuk mengawal dan memudahkan hubungan sukarela, seperti undang-undang kontrek dan undang-undang keluarga;
5. Undang-undang sebagai suatu proses untuk mengekalkan proses penerusan sejarah, disamping memperkuatkan doktrina yang sedia wujud yang tidak bercanggah, seperti undang-undang tort;
6. Undang-undang sebagai suatu proses untuk mengawal dan menjaga supaya perbalahan tidak timbul dan menyelesaikan pertelingkahan, seperti undang-undang buruh;
7. Undang-undang sebagai alat untuk menggalakkan ketenteraman awam demi menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat seluruhnya, seperti undang-undang mencegah rasuah, mencegah penyalahgunaan dadah;
8. Undang-undang sebagai sebuah institusi untuk menggalakkan pembangunan negara dan pembahagian kekayaan secara adil dan saksama, seperti undang-undang cukai pendapatan, tarif kastam, dan bantuan guaman.

JENIS DAN BENTUK UNDANG-UNDANG YANG MELARANG TINDAKAN YANG BOLEH MENGGUGAT PERPADUAN NEGARA

Tanpa Undang-undang, taraf manusia adalah sama
dengan kawan dan sahabat mereka di rimba

4.1 Pengenalan

Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mengandungi tiga bentuk: Undang-undang penubuhan, undang-undang yang berbentuk positif, dan undang-undang yang berbentuk negatif. kebanyakan undang-undang jenayah pula adalah berbentuk negatif, iaitu undang-undang yang melarang seseorang dari melakukan sesuatu yang bercanggah dengan kepentingan awam.

Perlembagaan Malaysia pula membuat beberapa peruntukan negatif yang melarang seseorang daripada melakukan sesuatu yang boleh memecahbelahkan kaum. Dengan cara demikian, perlembagaan tidak juga dapat menggalakkan perpaduan kaum. Dengan cara melarang seseorang daripada melakukan sesuatu yang boleh memecahbelahkan kaum, tidaklah bermakna bahawa perlembagaan telah menggalakkan perpaduan kaum. Hasilnya ialah masyarakat yang hidup dalam keadaan aman (peaceful coexistence), tetapi tidak masyarakat dinamik dan progresif yang bersatu-padu.

Jika dilihat dari perspektif undang-undang positif yang boleh membantu menggalakkan perpaduan kaum, kita dapati bilangannya amat sedikit sekali. Oleh itu, kita tidak boleh bergantung kepada undang-undang sebagai suatu alat untuk

NARASWAMI CHERASILAH DATO' SRI HAKIM ZULKEFLEE HAKIM BINTI
HAKIM KEMERDEKAAN TAHUN 1945 MELAKA DENGAN

14

menggalakkan perpaduan kaum, kita hanya boleh meletakkan harapan kita kepada institusi lain untuk mencapai perpaduan kaum, antaranya ialah bidang sosial, seperti pendidikan, kesihatan, budaya dan bidang politik dan ekonomi.

4.2 Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan Malaysia, sebagai undang-undang induk, hanya membuat peruntukan dasar, atau peruntukan am mengenai apa yang boleh diluluskan oleh Parlimen dan apa yang tidak boleh. Maka terserahlah kepada Parlimen untuk meluluskan apa juar bentuk undang-undang yang melarang tindakan seseorang daripada memecahbelahkan kaum. Antaranya ialah peruntukan mengenai hak asasi (Perkara 5-13), peruntukan khusus mengenai anasir subversif dan kuasa darurat (Perkara 149-151).

4.3 Akta Hasutan 1948 (Akta 15)

Secara umumnya, akta hasutan melarang seseorang daripada mengeluarkan kata-kata yang mempunyai unsur-unsur hasutan, sama ada di luar atau di dalam Parlimen, sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia.¹ Hukumannya ialah tiga tahun penjara atau denda.

¹ Jadual, Extra-Territorial Offences Act, 1976 (Akta 163) dan s. 4, Kanun Kesiksaan.

Akta ini meliputi semua jenis hasutan, sama ada sesama kaum atau antara kaum. Tujuannya ialah untuk menghalang seseorang daripada menggugat kestabilan negara melalui kata-kata atau tulisan yang diluahkan olehnya.

4.4 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82)

Akta keselamatan dalam negeri memberi kuasa yang luas kepada Menteri (s. 8) untuk menahan sehingga 2 tahun sebagai langkah pencegahan, mana-mana orang yang pada pendapatnya boleh membahayakan keselamatan negara. Kuasa yang sama juga diberi kepada pihak polis (s. 73) tetapi polis tidak boleh menahan lebih dari 60 hari.

ISA diluluskan oleh Parlimen dibawah kuasa Perkara 149 Perlembagaan. Mukadimah kepada ISA berbunyi bahawa tindakan telah diambil atau ancaman telah dibuat oleh sekumpulan orang yang terbesar sama ada dalam atau luar Persekutuan -

- (a) untuk menyebabkan kekerasan yang dirancang terhadap orang atau harta, atau untuk menyebabkan sebilangan besar warganegara takut akan kekerasan itu; atau
- (b) membangkitkan perasaan tidak suka terhadap Yang diPertuan Agong atau mana-mana Kerajaan dalam Persekutuan; atau
- (c) mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan antara beberapa kaum atau golongan penduduk yang mungkin menyebabkan kekerasan; atau

- (d) untuk mendapatkan diubah, dengan apa-apa cara lain daripada cara yang sah, apa-apa juga yang tertubuh menurut undang-undang; atau
- (e) yang mendarangkan mudarat kepada penyenggaraan atau perjalanan apa-apa bekalan atau perkhidmatan kepada orang-ramai atau mana-mana golongan orang-ramai dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; atau
- (f) yang mendarangkan mudarat kepada ketenteraman awam atau keselamatan dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya,

maka Parlimen boleh meluluskan undang-undang walaupun ianya bercanggah dengan Perkara 5, 9, 10 atau 13.

4.5. Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 (Akta 301)

Tujuan utama akta ini diluluskan ialah untuk mengawal dan mengatur semua jenis penerbitan, samada keluaran dalam negeri atau penerbitan yang diimpot dari luar negeri.

Parlimen berpendapat bahawa kestabilan negara akan tergugat sekiranya kebebasan akhbar dan bersuara adalah diberi secara meluas. Perkara 10 Perlembagaan Malaysia telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk mengenakan sekatan tertentu terhadap kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara.

Telah didapati ada benarnya bahawa akhbar boleh memainkan peranan negatif dalam menyuarakan satu-satu pendapat. Untuk mengelakkan perpecahan sesama kaum dan antara kaum, maka akta percetakan dan penerbitan telah diluluskan.

4.6 Akta Polis 1967 (Akta 344)

Sebagai pengurus keselamatan negara, pihak polis telah diberi kuasa yang agak luas untuk mengambil tindakan yang perlu untuk mengawal keselamatan negara dan dengan itu menjauhkan dari berlakunya huru hara. Secara tidak langsung, pihak polis telah memainkan peranan penting dalam merintis jalan ke arah perpaduan negara. Tanpa kawalan yang bermakna, maka sudah semestinya perpaduan kaum tidak mungkin akan tercapai.

4.7 Akta Buang Daerah 1933 (Akta 337)

Sebagai satu usaha untuk mencari keamanan, Akta Buang Daerah telah memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk menempatkan seseorang yang dianggap merbahaya kepada keamanan dalam satu-satu daerah, dan orang itu tidak boleh meninggalkan daerah tersebut tanpa izin pihak polis. Akta ini selalunya digunakan keatas penjenayah yang amat sukar dikawal pergerakan mereka. Dengan adanya kawalan keatas orang sedemikian, maka adalah diharapkan bahawa negara akan melalui suatu keadaan aman dan harmonis.

4.8 Kanun Kesiksaan (FMS Bab 45)

Terdapat banyak peruntukan dalam kanun kesiksaan (KK) yang melarang perbuatan yang boleh menghalang perpaduan negara. Semua perbuatan dan ketinggalan dalam KK adalah bersifat jenayah. Antaranya ialah kesalahan terhadap negara, kesalahan

terhadap Yang diPertuan Agong (Bab VI), kesalahan terhadap keamanan, seperti perhimpunan haram, rusuhan (Bab VIII), kesalahan mengenai agama, seperti menghina, mengeji sesuatu agama, mengganggu mana-mana perhimpunan agama, mengatakan sesuatu untuk melukakan perasaan keagamaan seseorang dan menyebabkan perpecahan, perasaan permusuhan, kebencian atas mana-mana agama (Bab XV). Seksyen 298A telah dipinda melalui Akta A549 pada 20.2.1983. Walaubagaimanapun, Mahkamah Agung dalam kes Mamat bin Daud v Kerajaan Malaysia (1988) 1 MLJ 119 telah memutuskan bahawa s. 298A adalah bercanggah dengan Perlumbagaan kerana Parlimen tidak mempunyai kuasa meluluskan pindaan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, dimana agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri.

UNDANG-UNDANG POSITIF YANG MERINTIS JALAN KE ARAH PERPADUAN NEGARA

Sayangkan isteri tinggal-tinggalkan
Sayangkan anak tangan-tangankan

Pepatah Melayu

Undang-undang sahaja tidaklah mencukupi, dan mungkin tidak boleh dijadikan alat terpenting untuk menggalak perpaduan negara. Perpaduan negara yang bermakna, jitu, tulen dan berkekalan hanya boleh dicapai melalui ikatan sosial, budaya, ekonomi dan politik. Walaubagaimanapun, ada beberapa rangkaian undang-undang yang merintis jalan ke arah perpaduan negara. Bab ini akan melihat setakat mana peruntukan undang-undang yang ada itu boleh digunakan bagi maksud perpaduan negara.

5.1 Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan satu negara, negara Malaysia (Perkara 1), satu raja, Yang diPertuan Agong (Perkara 32), satu bahasa, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi (Perkara 152) satu lagu kebangsaan (Akta Lagu Kebangsaan), satu bendera, satu Agama Persekutuan, Agama Islam (Perkara 3). Ini semua hanyalah merupakan simbol kepada perpaduan negara, dan tidak lebih dari itu. Untuk mencari jalan supaya ianya bermakna, ianya mestilah diamalkan.

5.2 Akta Perkhidmatan Negara 1952 (Akta 425)

Akta ini memperuntukkan bahawa dalam keadaan tertentu, kerajaan boleh memerintahkan mana-mana orang untuk menjalani kerahan tenaga untuk perkhidmatan negara. Semenjak ianya

diluluskan, hanya sekali sahaja akta ini dikuatkuasakan, iaitu pada tahun 1964 apabila berlaku konfrontasi dengan Indonesia. Pada ketika itu semua warganegara yang berumur 18-28 tahun telah diwajibkan mendaftar untuk mempertahankan negara. Walaupun ianya belum sempat dilaksanakan, namun pendaftaran telah dijalankan, dan mereka yang tidak ingin berkhidmat telah meninggalkan negara Malaysia. Ini menunjukkan betapa cintanya mereka kepada negara Malaysia.

Selain dari itu beberapa jenis profesion yang menghadapi kekurangan tenaga professional telah mewajibkan mereka yang lulus dalam bidang itu supaya berkhidmat dengan kerajaan selama dua tahun. Hingga kini, para doktor perubatan dan doktor gigi telah diwajibkan berkhidmat dengan kerajaan.

5.3 Kaedah (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat (Rukun Tetangga)

Kaedah ini bertujuan untuk mewajibkan mana-mana orang yang tinggal dalam kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan Rukun Tetangga untuk berkhidmat sebagai penjaga dalam kawasan itu pada waktu malam. Malangnya, sekim Rukun Tetangga yang boleh menyatupadukan rakyat tanpa mengira kaum, walaupun pada mulanya diwajibkan, telah berhenti separuh jalan.

Disamping itu sekim ini juga dapat mengurangkan kadar jenayah, terutama jenayah pecah rumah dan mencuri. Tujuannya memang baik, tetapi oleh kerana wujudnya tekanan politik, maka ianya berhentikan menjelangnya pilihanraya 1982.

VI

PERANAN RUKUNEGARA DALAM PERPADUAN NEGARA

Pancasila di Indonesia, Rukunegara di Malaysia dan "Declaration of Independence" di Amerika adalah bertujuan untuk mengukuhkan komitmen kita kepada negara

Selain dari undang-undang, Rukunegara boleh memainkan peranan yang amat penting dalam perpaduan negara. Rukunegara dibentuk selepas kita mengalami pengalaman pahit peristiwa 13 Mei 1969. Petikan dari teks asal Perisytiharan Rukunegara sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

"Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri dari berbagai kaum. Berbagai corak nilaihidup sosial, kebudayaan dan ekonomi yang terdapat dalam masyarakat kita yang berbagai kaum ini dirumitkan pula oleh keadaan dimana golongan ekonomi tertentu terdiri dari kaum-kaum tertentu, bertempat di kawasan-kawasan tertentu. Faktor yang membelahbahagi lagi masyarakat kita ialah jarak jenerasi yang jelas kelihatan.

"Ramai diantara kita tentu ingat lagi akan keraguan sewaktu kita mencapai kemerdekaan disebabkan oleh sifat dan corak masyarakat kita. Tetapi keazaman kita hendak membina satu Bangsa Malaysia yang bersatupadu telah membangkitkan semangat rakyat kita berusaha sedaya upaya, dengan dihadapi oleh rintangan-rintangan ini, untuk membina satu masyarakat dimana satu bangsa terdiri dari berbagai kaum, ugama dan kebudayaan, akan kekal dan maju. Kita yakin bahawa keadaan kita yang berbagai corak itu boleh menjadi satu sumber kekuatan kita.

"Penduduk negara ini sudah beberapa keturunan hidup bersama-sama dengan aman dan damai, bersama-sama menikmati kekayaan alam tanahair kita ini. Bersama-sama kita telah berusaha untuk mencapai kemerdekaan dan bersama-sama kita telah menentang beberapa pencerobohan terhadap keutuhan dan kemerdekaan negara kita. Secara berhati-hati tetapi dengan pasti kita telah bersama-sama membina satu masyarakat dalam mana setiap rakyat mendapat tempat dan kesempatan mencari penghidupan.

"Namun, usaha kita membina Bangsa dan Negara telah diganggu oleh kegiatan anasir-anasir perosak. Anasir-anasir ini terdapat di kalangan semua kaum. Dari semasa ke semasa sikap perkauman dan prasangka perkauman yang terpendam telah dipergunakan dengan berbagai-bagai helah sehingga mengakibatkan berlakunya peristiwa perkauman. Peristiwa perkauman yang mengejutkan sekali ialah rusuhan yang telah berlaku pada 13 Mei, 1969 di ibu kota.

"Semua faktor ini menunjukkan betapa perlunya kita berikhtiar semula dan melipat-gandakan lagi usaha kita untuk membina Bangsa dan Negara.

"Tugas memperkuatkan Bangsa dan Negara adalah tanggungjawab setiap rakyat. Tugas ini memerlukan satu penyusunan dan pelaksanaan dasar dan rancangan yang

sempurna, dinamik, kemas dan teratur. kegiatan-kegiatan dalam lapangan politik, ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan kebudayaan mestilah diselaraskan dengan tujuan perpaduan Bangsa dan Negara.

"Inilah tugas yang mustahak sekali kita hadapi dan bagaimana kita bertindak menghadapi cabaran ini akan menentukan sama ada boleh atau tidak Malaysia sebagai satu Bangsa dan Negara akan wujud kekal dan berjaya. Kita sekarang perlu membaharui arah dan azam Bangsa dan Negara kita. Kita perlu membaharui tekad kita menuju kepada tujuan tertentu --- tujuan yang akan melahirkan kepentingan bersama dan perasaan keperibadian Bangsa yang sama.

"Adalah jelas bahawa jalan di hadapan kita tidak luput daripada persoalan. Bagaimanapun, hal ini janganlah menjadi halangan kepada kita. Kehidupan memang penuh dengan persoalan-persoalan. Semuanya itu bergantung kepada kita. Jika kita dapat menghadapi cabaran zaman kita ini dan menggunakannya sebagai peluang nescaya kita akan muncul sebagai satu Bangsa dan Negara yang lebih kukuh dan padu, disatukan oleh kenangan sejarah, kenangan kejayaan dan kesusahan yang kita warisi bersama, serta bertambah yakin akan kesanggupan kita di masa hadapan, dan sedia bersama bergerak maju untuk mencapai tingkat usaha dan kejayaan yang lebih tinggi lagi.

"Dalam usaha kita untuk mencapai tujuan ini kita akan berpandu kepada prinsip tertentu yang lahir dari sejarah yang sama, melambangkan sintesis fikiran dan perasaan, yang termaktub dalam Perlembagaan kita. Tujuan dan prinsip ini yang dapat diterima oleh semua dan dapat digunakan untuk semua, akan menjadi ikatan yang menyatupadukan kita semua. Tujuan yang diterima sepenuhnya oleh Bangsa dan Negara kita ini serta prinsip yang akan membimbing geraklangkah kita bersama merupakan RUKUNEGARA.

"Perisyiharaan

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA mendukung cita-cita hendak

Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

• memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil dimana kemakmuran Negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

Kepercayaan kepada Tuhan

Kesetian kepada Raja dan Negara

Keluhuran Perlembagaan

Kedaulatan Undang-undang

Kesopanan dan Kesusilaan"

VII

DASAR EKONOMI BARU SEBAGAI ALAT PERPADUAN NEGARA

Untuk menegakkan keadilan, undang-undang perlulah mempunyai unsur-unsur diskriminasi

Banyak pihak telah mencemuhkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) kerana pada pendapat mereka DEB adalah suatu dasar diskriminasi yang memihak kepada suatu pihak dan menindas pihak yang lain.

Orang yang berfikiran sedemikian mempunyai fikiran yang sempit dan cetek, kerana mereka tidak memikirkan bahawa tanpa keadilan sosial dalam sesebuah negara, maka negara itu tidak akan menjadi stabil, dan akhirnya membawa huru hara, dan kemajuan yang telah dicapai selama ini akan membawa kepada kemunduran.

Untuk mencapai keadilan, maka dasar dan undang-undang itu sendiri tidaklah perlu adil. Tidak ada negara dalam dunia ini yang tidak mempunyai dasar atau undang-undang yang berunsur diskriminasi. Tanpa diskriminasi, maka itu adalah sebesar-besarnya kezaliman. Undang-undang cukai pendapatan mendiskriminasikan antara golongan kaya dengan golongan tidak kaya. Orang kaya membayar cukai hingga 40% dari pendapatan mereka, sedangkan orang miskin bukan sahaja tidak dikenakan cukai, bahkan mereka pula diberi bantuan hasil dari kutipan cukai dari orang kaya.

~~ANALISIS MELAKUKAN TAHU LEBIH DALAM DAPATKAN RUMAH~~

Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan menyusun semula masyarakat adalah suatu alat yang merintis jalan ke arah keadilan disamping menuju ke arah perpaduan kaum.

Dalam kita merintis jalan ke arah keadilan, sudah semestinya akan wujud ketidaksamarataan dan unsur-unsur ketidaksamarataan inilah yang membawa kepada ketidakpuashatian beberapa pihak, kononnya DEB telah merampas hak mereka untuk diberikan kepada orang lain.

Walaupun tempoh DEB telah tamat dengan berakhirnya tahun 1990, namun jiwa DEB lama itu akan terus diberi nafas baru dalam bentuk baru. Selagi hasrat dan matlamat DEB tidak tercapai, maka selama itulah usaha patut diambil untuk memberi keadilan sosial kepada semua pihak, walaupun ianya mengandungi unsur-unsur negatif jangka pendek seperti wujudnya ketidaksamarataan dan ketidakpuashatian.

VIII

PERPADUAN NEGARA MELALUI ISLAM

Islam itu selamat dan dapat menyelamatkan

Banyak jenis perpaduan adalah berbentuk lahiriah: di luar bersatu padu, tetapi didalam tidak. Di luar berbaik, tetapi di dalam menjadi musuh dalam selimut. Perpaduan lahiriah tidak kekal lama. Banyak negara menjadi porak peranda akibat dari wujudnya perpaduan lahiriah. Di Ireland, permusuhan berlaku antara katholik dengan protestant, di Sri Lanka antara Tamil dengan Sinhala, di Lebanon antara Islam dan Kristian, di India antara Hindu dengan Islam dan di Malaysia dahulu (1947, 1969) antara Melayu dengan Cina.

Islam ialah agama sejahtera, agama perpaduan. Islam ialah agama bagi semua manusia tanpa mengira kaum, bahasa, budaya, keturunan dan faktor-faktor lain.

Islam mengamalkan perpaduan. Kita sembahyang berjumaah dan sembahyang Jumaat pada tiap-tiap minggu semata-mata kerana Allah untuk menyatupadukan manusia. Pada tiap-tiap tahun di musim haji, kita pergi ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji kerana Allah untuk mencapai perpaduan ummah. Kita berpuasa serentak di bulan Ramadhan kerana Allah demi perpaduan. Kita mengeluarkan zakat kerana Allah untuk membantu orang miskin untuk mencapai perpaduan. Tidakkah boleh kita mengambil iktibar dari ajaran Islam supaya amalan harian kita itu dapat merintis jalan ke arah perpaduan kaum.

Islam mengajarkan kita supaya saling hormat menghormati antara satu sama lain, demi perpaduan. Islam mengajarkan kita supaya memberi sepenuh kerjasama kepada segala usaha ke jalan Allah. Islam mengajarkan kita supaya mengasihani orang yang lemah, dan bertimbang rasa kepada orang yang susah.

Islam juga mengajar kita supaya mengasihi satu sama lain seperti Nabi mengasihi umat. Islam mengajar kita untuk menjadi masyarakat berbudi dan masyarakat penyayang, supaya dengan itu kita dapat sama-sama menikmati segala apa yang dikurniakan oleh Allah dalam dunia ini sebagai suatu pemberian dan rahmat dariNya.

IX

KE ARAH MALAYSIA BERSATU

Sekiranya ada kemahuan, di situlah ada jalan
Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih

- Pepatah Melayu

Rakyat Malaysia boleh bersatu padu. Perpaduan akan wujud jika ada pengorbanan. Penduduk asal negara ini telah banyak berkorban, tetapi pengorbanan mereka tidak berbalas.

Tugas pemimpin sekarang ialah merintis jalan ke arah perpaduan tulin, perpaduan sejati, perpaduan batu marmar dan bukannya perpaduan seberkas lidi.

Ajaran Islam boleh dijadikan asas untuk perpaduan sesama kaum dan antara kaum. Kita tidak perlu menyebut perpaduan ala Islam kerana ini mungkin akan menakutkan mereka yang dihantui oleh bayang-bayang pelaksanaan hukum Islam seperti potong tangan, sebat, rejam. Kita ambil segala ajaran Islam tanpa menyebut puncanya, seperti barat mengambil banyak ajaran Islam tanpa menyebut puncanya, dan kita menyangka bahawa itu adalah dari barat, tetapi sebenarnya dan asalnya dari Islam.

Dari segi sosial, kita boleh gunakan institusi sekolah sebagai tempat untuk memupuk perpaduan kaum, kerana disitulah bermulanya bibit-bibit percambahan unsur-unsur perkauman. Tidak mungkin kita dapat bersatu padu secara tulin, jika masih ada anak Melayu ke sekolah Melayu, anak Cina ke sekolah Cina dan anak India ke sekolah Tamil. Hasil yang kita perolehi ialah perpaduan dalam bentuk seikat lidi: putus tali pengikat, maka berkecailah lidi menjadi sebatang-sebatang.

UTARAE KIRYAJAM HARGA ER

Gotong royong haruslah dijadikan teras untuk melaksanakan segala usaha ke arah perpaduan. Tetapi gotong royong itu hendaklah dilakukan secara ikhlas, tanpa berkehendakkan publisiti. Janganlah hendaknya menteri merasmikan projek gotong royong dengan menjemput semua televisyen dan akhbar, dan sebaik sahaja siaran TV dipancarkan, lalang mula tumbuh semula. Tidak ada usaha yang lebih berfaedah untuk perpaduan sesama kaum dan di antara kaum kecuali kita balik kepada budaya asal gotong royong yang sudah sebatи dengan masyarakat Malaysia, tetapi jarang diamalkan.

Perkahwinan campuran juga haruslah digalakkan kerana institusi perkahwinan boleh memainkan peranan penting dalam perpaduan negara. Tambahan lagi, telah diakui kebenaran bahawa anak cantuman dari dua baka yang berlainan adalah lebih baik, dari anak semaian.

Skim Rukun Tetangga haruslah dihidupkan semula secara wajib supaya dengan itu semua bangsa dan agama dapat bergaul secara serius dan bermakna, dan Rukun Tetangga boleh menjadi alat penting untuk meneroka ke alam perpaduan.

Selain dari itu, dasar mengenai pembahagian perumahan dalam satu-satu projek perumahan kepada semua bangsa hendaklah diteruskan, supaya dengan itu tidak wujud lagi China Town, kampung Melayu, kampung India, kampung Portugis dan kampung Siam.

Di antara program yang dilaksanakan dalam jangka panjang ialah satu keluarga mengambil seorang pelajar sebagai anak angkat. Projek "Jambatan Emas" diantara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak haruslah ditingkatkan supaya lebih ramai anak angkat dapat diangkatkan.

Budaya makanan dan seni masakan haruslah diperluaskan supaya ianya melampaui batasan perkauman, supaya dengan itu semua bangsa dapat menikmati jenis masakan dari keturunan lain, dengan syarat halal-haram dan taboo hendaklah dijaga.

Akhir sekali, konsep masyarakat berbudi dan masyarakat penyayang haruslah mendapat perhatian semua pihak dan golongan supaya dengan itu masyarakat Malaysia di abad 21 akan menjadi masyarakat yang disegani oleh dunia.

NAR/sa